

# KESILAPAN PENGGUNAAN BAHASA DALAM KARANGAN SEORANG MURID TAHUN LIMA

oleh Mohd. Isa bin Ab. Razak  
Jabatan Pengajian Melayu

## PENDAHULUAN

Ini ini asalnya adalah bahan latihan dalam kuliah analisis kesilapan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), Semester 3. Karangan yang digunakan telah ditulis oleh seorang murid Tahun 5, sebuah sekolah kebangsaan di kawasan pedalaman Sabah, lebih kurang 225 km dari bandar Kota Kinabalu. Murid ini adalah anak watan Sabah dari suku kaum Lundayeh.

## KARANGAN YANG DIANALISIS

### Banjir

Pada hari rabu yang lalu hujan turun tidak berhenti-henti. kilat sambung-menyambung dan semua orang berlari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri dan keluarga yang susah . ada juga yang sudah sempat lari ke tempat yang tinggi. Pada hari ini hujan Turun tidak berhenti-henti lagi dan hujan turun Tiga hari Tiga malam. di kampung saya ibu bapa saya sangat susah hati kerana hujan turun. Tiba-tiba air semakin naik. rumah yang rendah telah di landa pada barat pinggang . dan pihak polis Telah keluar untuk menyelamatkan orang kampung . ada juga yang anak hidup ibu bapa mati dan kesemuahannya meninggal dunia dan ada juga rumah yang hanyut dan juga barang-barang yang berharga dan berguna . Sampai sini lah saya ucapkan saya harap banjir tidak akan melanda kampung ini lagi.

Jarak antara huruf dengan huruf telah diseragamkan.

## KESILAPAN EJAAN

Empat patah perkataan jelas silap dieja dalam karangan ini. Perkataan-perkataan itu ialah “menyelamatkan” yang dieja “menyalamatkan” (dua kali), “kesemuanya” yang dieja “kesemuahannya”, “dilanda” yang dieja “di landa”, dan (di) “sinilah” yang dieja “sini lah”. Perkataan “dilanda” (yang dieja “di landa”) boleh juga digolongkan dalam kesilapan penggunaan kosa kata. Perkataan yang sepatutnya digunakan bagi menggantikan perkataan “dilanda” ialah “ditenggelami.” Ejaan lengkap bagi perkataan “sinilah” pula ialah “di sinilah”. Bagi perkataan “kesemuanya” pula, kata ganti -nya lebih wajar digugurkan.

Dua patah perkataan lagi iaitu “sambung-menyambung” dan “barat” berkemungkinan digolongkan dalam kesilapan ejaan. Andaikan pelajar ini memang bertujuan hendak menggunakan perkataan “sabung-menyabung” dan “paras” pada tempat yang berkenaan. Pelajar ini mungkin ditambah huruf “m” ketika menulis perkataan “sabung-menyabung” sehingga menjadi “sambung-menyambung”. Bagi perkataan “paras” pula, pelajar ini mungkin menggantikan huruf “p” dengan huruf “b” dan huruf “s” dengan huruf “t” sehingga perkataan itu menjadi “barat”. Tegasnya, pelajar ini gagal mengeja perkataan “sabung-menyabung” sehingga menjadi “sambung-menyambung” dan gagal mengeja perkataan “paras” sehingga menjadi perkataan “barat”. Jika andaian ini benar, terdapat enam kesilapan ejaan dalam karangan ini.

Bagi perkataan “paras” yang telah dieja “barat”, hujah ini sukar dipertikaikan. Tidak mungkin pelajar ini sengaja menulis perkataan “barat” dalam ayat itu. Namun, bagi perkataan “sambung-menyambung”, hujah ini boleh dipersoalkan. Andaikan pelajar ini tidak memiliki kosa kata “sabung-menyabung”. Pelajar ini menggunakan ungkapan “kilat sambung-menyambung” untuk menyatakan bahawa kilat itu berlaku secara berterusan. Tegasnya, ejaan “sambung-menyambung” memang betul. Dengan demikian penggunaan perkataan “sambung-menyambung” boleh dianggap kesilapan penggunaan kosa kata.

Isu “sambung-menyambung” ini telah dibincangkan bersama guru pelatih. Hampir kesemua guru pelatih mengkategorikan kesilapan ini dalam kesilapan penggunaan kosa kata. Seorang guru pelatih menyatakan bahawa beliau sendiri pernah melakukan kesilapan seperti ini ketika di sekolah rendah dahulu. Katanya, pada masa itu dia belum memiliki kosa kata “sabung-menyabung”. Dengan hujah ini, boleh dirumuskan bahawa terdapat lima kesilapan ejaan dalam karangan ini.

#### KESILAPAN PENGGUNAAN HURUF

Terdapat tiga kategori kesilapan penggunaan huruf dalam karangan ini. *Yang pertama* ialah penggunaan huruf kecil untuk nama khas. Terdapat satu kesilapan dalam kategori ini iaitu “Rabu” ditulis menggunakan huruf kecil menjadi “rabu”. *Yang kedua* ialah penggunaan huruf kecil untuk huruf pertama dalam perkataan pada permulaan ayat. Terdapat lima kesilapan dalam kategori ini iaitu pada perkataan “kilat”, “ada” (dua kali), “di kampung”, “dan”, dan “rumah”. Huruf pertama kelima-lima perkataan ini sepatutnya menggunakan huruf besar menjadi “Kilat”, “Ada”, “Di kampung”, “Dan”, dan “Rumah”. Bagaimanapun, penggunaan perkataan “dan” pada permulaan ayat dalam karangan ini tidak sesuai. Perkataan “dan” itu sepatutnya digugurkan sahaja. *Yang ketiga* ialah penggunaan huruf besar pada perkataan yang sepatutnya menggunakan huruf kecil. Terdapat tiga kesilapan dalam kategori ini pada perkataan “Turun”, “Tiga” (dua kali), dan “Telah”. Perkataan-perkataan ini sepatutnya menggunakan huruf kecil menjadi “turun”, “tiga”, dan “telah”.

Jumlah kesilapan penggunaan huruf yang terdapat dalam karangan ini ialah sembilan. Kesilapan pada perkataan yang sama (“ada” dan “Tiga”) dikira sekali sahaja. Jelas jumlah kesilapan penggunaan huruf lebih banyak berbanding dengan kesilapan ejaan.

#### KESILAPAN PENGGUNAAN TANDA BACA

Karangan ini mengandungi satu jenis kesilapan tanda baca iaitu kedudukan noktah pada akhir ayat dijarakkan daripada perkataan terakhir. Terdapat empat kesilapan seperti yang berikut:

| Silap               | Betul              |
|---------------------|--------------------|
| ... yang susah .    | ... yang susah.    |
| ... pinggang .      | ... pinggang.      |
| ... orang kampung . | ... orang kampung. |
| ... berguna .       | ... berguna.       |

#### KESILAPAN PENGGUNAAN KOSA KATA

Bagi memudahkan perbincangan, kesilapan ejaan dan tanda baca dalam contoh-contoh di bawah subtajuk ini telah dibetulkan.

Terdapat lima kesilapan penggunaan kosa kata dalam karangan ini. Yang pertama ialah perkataan “lari” dalam frasa “sempat *lari*”. Perkataan “lari” dalam dialek umum Sabah bermaksud “pergi”, “bergerak” atau “berpindah”. Pelajar ini telah menggunakan perkataan dalam pertuturan lisan dalam karangannya. Perkataan yang sesuai menggantikan perkataan “lari” ialah “berpindah”. Dengan demikian frasa “sempat *lari*” boleh ditulis semula menjadi “sempat *berpindah*”.

Yang kedua ialah perkataan “pada” dalam frasa “*pada* paras pinggang”. Perkataan yang sepatutnya digunakan ialah “sehingga”. Apabila dibetulkan, frasa itu akan menjadi “sehingga paras pinggang”. Yang ketiga ialah penggunaan perkataan “dilanda”. Perkataan yang sepatutnya digunakan ialah “ditenggelami”. Yang keempat ialah perkataan “keluar” dalam ayat “Pihak polis telah *keluar* untuk menyelamatkan orang” yang sepatutnya digantikan dengan perkataan “datang” menjadi “Pihak polis telah datang untuk menyelamatkan orang kampung”. (Penggunaan perkataan “dan” pada pangkal ayat ini tidak sesuai. “Dan” itu sepatutnya digugurkan sahaja.) Yang kelima ialah penggunaan perkataan “ucapkan” dalam frasa “saya ucapkan”. Perkataan yang sesuai digunakan ialah “cerita” atau “kisah”.

### KESILAPAN AYAT

Kesilapan ini merangkumi kesilapan frasa dan ayat. Agar perbincangan tertumpu pada kesilapan frasa/ayat sahaja, dalam contoh di bawah ini kesilapan ejaan, tanda baca dan kosa kata dalam ayat yang berkenaan telah dibetulkan.

Kesilapan frasa/ayat dalam karangan ini adalah seperti yang berikut:

- *Kilat sabung-menyabung dan semua orang berlari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri dan keluarga yang susah.* Pembetulan yang dicadangkan: Kilat sabung-menyabung. Semua orang lari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri dan keluarga masing-masing.
- *Ada juga yang sudah sempat lari ke tempat yang tinggi.* Pembetulan yang dicadangkan: Ada juga (orang/penduduk) yang telah sempat berpindah ke tempat yang tinggi.
- *Pada hari ini hujan turun tidak henti-henti lagi dan hujan turun tiga hari tiga malam.* Pembetulan yang dicadangkan: Pada hari itu hujan turun tidak henti-henti selama tiga hari tiga malam.
- *Di kampung saya ibu bapa saya sangat susah hati kerana hujan turun.* Pembetulan yang dicadangkan: Ibu bapa saya sangat susah hati. *atau* Saya dan ibu bapa saya sangat susah hati. Frasa *di kampung saya* digugurkan.
- *Tiba-tiba air semakin naik.* Pembetulan yang dicadangkan: Air semakin naik.
- *Rumah yang rendah telah dilanda pada barat pinggang.* Pembetulan yang dicadangkan: Rumah-rumah di kawasan yang rendah telah ditenggelami air sehingga paras pinggang.
- *dan pihak polis Telah keluar untuk menyalamatkan orang kampung.* Pembetulan yang dicadangkan: Pihak polis datang untuk menyelamatkan orang kampung. Tidak perlu *dan*.
- *ada juga yang anak hidup ibu bapa mati dan kesemuahannya meninggal dunia dan ada juga rumah yang hanyut dan barang-barang yang berharga dan berguna.* Pembetulan yang dicadangkan: Ada anak kehilangan ibu bapa dan ada juga kesemua satu keluarga meninggal dunia. Ada rumah dihanyutkan oleh air, termasuk barang-barang yang berharga dan berguna. Boleh ditambah *akibat banjir itu* pada pangkal ayat.
- *Sampai sinilah saya ucapkan saya berharap banjir tidak akan melanda kampung ini lagi.* Pembetulan yang dicadangkan: Demikianlah kisah banjir di kampung saya. Saya berharap banjir tidak akan melanda kampung kami lagi.

## KARANGAN YANG SUDAH DIMURNIKAN

Karangan ini tidak mempunyai perenggan. Karangan yang sudah dimurnikan adalah seperti yang berikut:

### Banjir

*Pada hari Rabu yang lalu hujan turun tidak berhenti-henti. Kilat sabung-menyabung. Semua orang lari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri dan keluarga masing-masing. Ada juga orang yang telah sempat berpindah ke tempat yang tinggi.*

*Pada hari itu hujan turun tidak henti-henti selama tiga hari tiga malam. Saya dan ibu bapa saya sangat susah hati. Air semakin naik. Rumah-rumah di kawasan yang rendah ditenggelami air sehingga paras pinggang. Pihak polis datang untuk menyelamatkan orang kampung.*

*Akibat banjir itu, ada anak kehilangan ibu bapa dan ada juga kesemua satu keluarga meninggal dunia. Ada rumah dihanyutkan oleh air, termasuk barang-barang yang berharga dan berguna.*

*Demikianlah kisah banjir di kampung saya. Saya berharap banjir tidak akan melanda kampung kami lagi.*

## FAKTOR KESILAPAN

Kita boleh mengutarakan tiga faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan ini. Faktor yang pertama ialah *pengaruh bahasa basahan*, iaitu dialek umum Sabah, khususnya di kawasan Tenom. Pelajar ini telah membawa kebiasaan menyebut “menyelamatkan” dan “kesemuahannya” ke dalam karangannya. Dengan perkataan lain, sebutan dialek umum telah mempengaruhi ejaan pelajar ini. Faktor yang kedua ialah *ketidakcekapan mengeja*. Pelajar ini belum cekap mengeja imbuhan “di-” dan partikel “lah”. Sepintas lalu ejaan kedua-dua patah perkataan ini kelihatan betul. Apabila diteliti, didapati imbuhan “di-” mesti dirapatkan dengan kata dasar “landa”. Partikel “lah” pula perlu dirapatkan dengan perkataan “sini”. Faktor ketiga mungkin *pengaruh bahasa ibunda* atau kelalaian pelajar. Hal ini berlaku pada perkataan “paras” yang dieja “barat”. Berbanding dengan faktor pertama dan kedua, yang dapat dibenarkan dengan hujah dan secara empirikal, faktor ketika ini berupa telahan sahaja.

## PERKAITAN KESILAPAN DENGAN PEMARKAHAN KARANGAN UPSR

Peraturan memberi markah karangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) memperuntukkan tiga markah bagi aspek ejaan. Setiap kesalahan ejaan akan dipotong setengah markah. Oleh itu, pelajar ini hanya diberi setengah markah sahaja bagi aspek ejaan. Dua setengah markah dipotong kerana kesilapan pengejaan lima patah perkataan seperti yang telah dibincangkan tadi. Kesilapan pengejaan perkataan “menyelamatkan” yang berlaku dua kali dianggap satu kesilapan sahaja.

Peraturan memberi markah karangan UPSR memperuntukkan tiga markah bagi aspek penggunaan tanda baca. Setiap kesalahan tanda baca akan dipotong setengah markah. Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan sebelumnya, kesilapan penggunaan huruf boleh dianggap sebahagian daripada kesilapan penggunaan tanda baca. Keseluruhannya pelajar ini telah melakukan 13 kesilapan penggunaan tanda baca, iaitu sembilan kesilapan penggunaan huruf dan empat kesilapan penggunaan noktah. Oleh itu, pelajar ini tidak diberi sebarang markah untuk aspek tanda baca. Peraturan memberi markah karangan UPSR tidak menjelaskan kedudukan kesilapan penggunaan huruf sama ada termasuk dalam kesilapan ejaan atau tanda baca. Isu ini telah dibincangkan dan dirumuskan bahawa kesilapan penggunaan huruf lebih wajar dianggap sebahagian daripada kesilapan tanda baca.

Peraturan memberi markah karangan UPSR memperuntukkan tiga markah bagi aspek struktur ayat dan tiga markah bagi aspek perbendaharaan kata. Dari segi struktur ayat, markah penuh diberi kepada calon yang berjaya menggunakan struktur ayat yang betul dan mampu mempelbagai jenis dan ragam ayat dalam penulisannya. Analisis tadi menunjukkan prestasi pelajar dari segi struktur ayat sangat lemah. Anggaran markah yang boleh diberikan ialah satu markah sahaja. Bagi komponen perbendaharaan kata, markah penuh diberi jika calon berjaya memperlihatkan ketepatan dan keluasan penggunaan perbendaharaan kata. Analisis tadi jelas memperlihatkan bahawa penguasaan pelajar terhadap kosa kata masih lemah. Anggaran markah yang dicadangkan untuk aspek ini ialah satu markah sahaja.

## PENUTUP

Memang diakui bahawa analisis kesilapan bahasa merupakan satu daripada strategi yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa para pelajar. Dapatan analisis yang telah diproses boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan program penambahbaikan strategi pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini hendaklah dilakukan secara berterusan dan melibatkan semua kumpulan sasar, iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Esei ini diharap dapat meningkatkan keprihatinan guru bahasa Melayu terhadap analisis kesilapan bahasa, khususnya penggunaan bahasa dalam karangan.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Abdul Talib, 1993. *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob, 1987. "Pengaruh Dialek dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard di Kalangan Pelajar-pelajar" dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader (ed.), 1987. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 490–505.
- Awang Sariyan, 1995. *Siri Dialog Bahasa II: Konsep Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Wan Chik, 1987. "Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia oleh Murid-murid Melayu (Satu Kajian) dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader (ed.), 1987. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 208–230.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981. *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Isa Abd. Razak 2001. "Tanda Baca: Satu Senario Pedagogikal" dlm. *Jurnal Keningau*, Bil. 3, Disember 2001.
- Mohd. Isa Abd. Razak, 1998. "Pemarkahan Karangan Sekolah Rendah" dlm. *Jurnal Keningau*, Bil. 2, Disember 1998.
- Mohd. Isa bin Abd. Razak, 1997. "Kesilapan Ejaan Murid Tahun 6 S.K. Bulu Silou, Keningau" dalam *Jurnal Keningau*, Bil. 1, Disember 1997.
- Raminah Hj. Sabran, 1982. "Analisis Kesilapan Bahasa dan Kajian-Kajian yang Berkaitan dengannya" dlm. Azman Wan Chik (ed.) *Trend-Trend Baru dalam Bidang Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, hlm. 168–219.